



سوارا کساتوان کورو ملايو مليسيا بارت *Suara KGMMB*



Lidah Rasmi Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat

Bil. 9 JILID DIS 2023

KDN: PP17195/12/2020

Pendaftaran: 425

TAHNIAH KEPIMPINAN BAHARU

Tahniah kepada Cikgu Hj Juhari bin Mohamad Nor sebagai peneraju kepimpinan baharu KGMMB. Selamat menjalankan tugas kepada kepimpinan baharu yang menang tanpa bertanding dalam pemilihan jawatan Pegawai Kanan KGMMB bagi sesi 2023 - 2026. Terima kasih kepada barisan kepimpinan lama yang melepaskan jawatan bagi memenuhi peraturan JHEKS, jasa kalian sentiasa dikenang.



KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT

03-4045 5140/
03-4043 0336

03-4045 7041

admin@kgmmmb.net

No. 720, Tingkat 3, Jalan Sentul,
51000 Kuala Lumpur

www.kgmmmb.net

KGMMB Ibu Pejabat

Sidang Pengarang



Duduk Dari Kiri: Cikgu Haji Mohd Said bin Hussin, *PMC*, Cikgu Mohamad Arshad bin Mat Jelani, *PPT*, Cikgu Ibrahim bin Marlan, Cikgu Jasni bin Md Kechik, *AMK, BKM*, Cikgu Hasnan bin Abd. Wahab, Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari

Berdiri Dari Kiri: Puan Norizan binti Alang Pilih, Puan Hajah Norsimah binti Zainal Abidin, Cikgu Nadzaruddin bin Kasim, Cikgu Mohd Faisal bin Baharim, Cikgu Haji Juhari bin Mohammad Nor, *PJK*, Cikgu Mohd Azhar bin Yahya, *AMP*, Puan Siti Nurhanah binti Ab. Manaf, Puan Kamariah binti Mohd Sari

Penasihat:

Cikgu Jasni bin Md Kechik, *AMK, BKM*.

Pengerusi:

Cikgu Hasnan bin Abd. Wahab

Naib Pengerusi 1:

Cikgu Ibrahim bin Marlan

Naib Pengerusi 2:

Cikgu Mohd Azhar bin Yahya, *AMP*.

Ketua Pengarang:

Cikgu Mohamad Arshad bin Mat Jelani, *PPT*.

Editor:

Cikgu Haji Mohd Said bin Hussin, *PMC*.

Penolong Editor:

Cikgu Haji Juhari bin Mohammad Nor, *PJK*.

Pengarang:

Cikgu Nadzarudin bin Kasim
Cikgu Ahmad Nawawi bin Shaari
Cikgu Mohd Faisal bin Baharim

Setiausaha:

Puan Kamariah binti Mohd Sari

Penolong Setiausaha:

Puan Hajah Norsimah binti Zainal Abidin

Grafik:

Puan Siti Nurhanah binti Ab. Manaf

Pengiklanan:

Puan Norizan binti Alang Pilih

Jurufoto:

En. Muhamad Nazli bin Yusri

Pegawai Kanan 2023-2026



Duduk Dari Kiri: Cikgu Md. Nordin bin Yusuf @Jusoh, Cikgu Mohd Faisal bin Baharim, Cikgu Hj. Juhari bin Mohammad Nor, *PJK*, Cikgu Nor Azli bin Abu Bakar, Cikgu Mohd Sobri bin Yusuf.

Berdiri Dari Kiri: Cikgu Noor Hayazi bin Abd. Mutholib, Cikgu Zunazri bin Ismail, Cikgu Muhd Fadzli bin Musa, Cikgu Mohd Syaifulhasry bin Abd Aziz, Cikgu Muhammad Saiful Azhar bin Mohammad Safie.

Tidak hadir: Cikgu HJ. Masron bin Muhammad, Cikgu Syed Ahmad Zawawi bin Syed Akil


Sekapur Sirih Presiden KGMMB

السَّالَامُ عَلَيْنَا وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam KGMMB Hidup Berbakti
Salam Malaysia Madani

Saya ucapkan syabas kepada sidang Pengarang Biro Penerbitan KGMMB atas kejayaan menerbitkan SUARA KGMMB edisi 2024 yang istimewa ini. Terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya mencoretkan sepatah dua kata di dalam buletin ini.

SUARA KGMMB adalah medium rasmi dan nadi penyambung hubungan silaturahim sesama ahli KGMMB. Di samping itu, majalah rasmi ini juga menjadi dokumen bersejarah perjuangan guru-guru Melayu sejak berdekad-dekad lamanya. Pemimpinnya silih berganti sama ada di peringkat pusat dan cawangan. Namun pemilihan pucuk pimpinan di peringkat cawangan untuk sesi 2023 - 2026 telah menyaksikan hampir 80 peratus saf kepimpinan di peringkat cawangan terpaksa melepaskan jawatan kerana akur dengan arahan Ketua Setiausaha Negara di bawah Akta Kesatuan Sekerja yang dipantau oleh Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) dikuatkuasakan pada semua kesatuan guru di Malaysia.



CIKGU HJ. JUHARI BIN MOHAMAD NOR, PJK.
PRESIDEN KGMMB

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan terima kasih kepada semua sahabat jawatankuasa yang telah menyumbang bakti dan memberi komitmen yang tinggi selama ini dengan memberikan khidmat cemerlang walau pun terpaksa melepaskan jawatan di peringkat cawangan dan di peringkat pusat. Walau bagaimana pun KGMMB telah bersedia untuk menghadapi cabaran dan situasi ini dengan barisan pemimpin pelapis muda yang akan terus diberikan bimbingan dan sokongan untuk mengurus kesatuan di peringkat cawangan dan pusat. Perkara yang amat penting sebagai ahli KGMMB ialah kita perlu berlapang dada dan berjiwa besar untuk menerima perubahan serta sentiasa berdiri teguh memberikan sokongan kepada saf kepimpinan yang dipilih di semua peringkat.

Fokus utama KGMMB ialah menjaga kebajikan ahli dan memartabatkan guru di persada pendidikan negara. Setiap isu perlu disantuni oleh kepimpinan dengan penuh hemah. Penambahbaikan dalam kebajikan ahli akan diberikan keutamaan. Tugas hakiki sebagai pendidik juga perlu ditunaikan sehabis baik. Sebagai warga guru, ahli-ahli KGMMB perlu berani menempuh cabaran dan bersedia dengan perubahan keperluan pendidikan dalam era digital.

Selain itu Karamah Insaniah atau Kemuliaan Insaniah hendaklah diseirinkan dengan era digital supaya kita dapat membantu setiap murid mendapat

akses pendidikan yang berkualiti dan sama rata. Potensi murid perlu digilap dengan kemahiran, nilai dan adab yang tinggi serta mereka tidak jahil dan mampu untuk mengangkat maruah melalui kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Perkasakan disiplin pembelajaran sepanjang hayat agar diri kita dan anak didik sentiasa menimba ilmu demi meningkat Kemuliaan Insaniah.

Kesimpulannya sebagai warga guru dan ahli KGMMB, kita patut kehadapan membawa slogan Malaysia Madani di mana sistem pendidikan kita mengikut acuan kita dengan penambakan selaras tuntutan zaman dan mungkin tidak sesuai untuk dibandingkan dengan negara lain. Matlamat PPPM adalah untuk meletakkan Malaysia setaraf dengan negara maju. Oleh itu empat perkara pokok yang perlu dipegang dan dijiwai oleh warga guru ialah Karamah Insaniah, kemantapan sistem yang berkualiti, agenda masa depan dan soal adab dan nilai yang positif. Semuanya ini tidak akan hadir dengan slogan sahaja tetapi perlu usaha yang bersungguh dan komitmen yang tinggi bukan sahaja dari warga guru tetapi juga dari seluruh rakyat Malaysia.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada sidang pengarang SUARA KGMMB.

HIDUP BERBAKTI
Sekian, terima kasih.


Sekapur Sirih Pengerusi KOPERASI KGMMB BHD

السَّالَامُ عَلَيْنَا وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam KGMMB Hidup Berbakti
Salam Malaysia Madani

Segala puji bagi Allah S.W.T yang mentadbir sekalian alam. Selawat dan salam kepada Rasulullah S.A.W., para sahabat, keluarga baginda serta para pendukung Islam hingga ke akhir zaman. Selamat Tahun Baharu 2024.

Sempena tahun baharu ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada 17,919 orang ahli KGMMB yang telah menjadi anggota aktif Koperasi KGMMB Berhad. Sumbangan yang tuan-tuan dan puan berikan kepada koperasi menjadi asbab koperasi ini terus maju dan dapat memenuhi misinya iaitu ke arah sebuah koperasi yang memperjuangkan ekonomi guru-guru Melayu berteraskan syariah Islam. Semoga penyertaan kita dalam koperasi menjadi amal jariah yang berpanjangan dan menjadi pemangkin kita memungut hasil pahalanya di alam barzakh nanti.



CIKGU IBRAHIM BIN MARLAN
PENGURUSI
KOPERASI KGMMB BERHAD

Berdasarkan Akaun Untung Rugi yang Disatukan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022, koperasi berjaya memperoleh keuntungan sebanyak RM1,588,670.00. Keuntungan yang dicapai digunakan untuk membiayai pembiayaan kepada anggota seperti pembiayaan pengguna, peribadi dan khas. Sehingga bulan Ogos 2023, sebanyak RM10,645,701.02 telah dikeluarkan untuk membantu anggota dalam pembiayaan pengguna (RM3,001,531.02), pembiayaan peribadi (RM3,994,170.00) dan pembiayaan khas (RM3,650,000.00).

Anggota lembaga koperasi dan pengurusan koperasi berusaha mengekalkan tadbir urus yang baik dan pada tahun 2023 tersenarai sebagai 52 Koperasi Terbaik Malaysia. Koperasi komited untuk melaksanakan strategi berikut:

- Menambahbaik perancangan strategik untuk mengukuhkan aktiviti sedia ada bagi menambah pendapatan koperasi.
- Mengurus dan mengawal perbelanjaan secara berhemah untuk memastikan koperasi mendapat pulangan yang setimpal daripada wang yang dibelanjakan.
- Meningkatkan promosi pembiayaan kepada anggota baharu dan lama dengan menggunakan pendekatan mesra pelanggan.

Mengenalpasti dan bekerjasama dengan rakan strategik perniagaan yang berjaya tanpa melibatkan kos yang tinggi tetapi membawa pulangan yang lumayan.

Sekian, terima kasih.

Sekapur Sirih Mantan Presiden KGMMB

السَّلَامُ عَلَيْنَا وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam KGMMB Hidup Berbakti
Salam Malaysia Madani

Dikesempatan ini saya menzahirkan penghargaan terima kasih kepada seluruh kepimpinan dan ahli serta staff KGMMB kerana setiasa memberi sokongan dan kerjasama yang sepenuhkan kepada saya sepanjang saya menerajui kesatuan guru sebagai Presiden KGMMB 25.06.2018 hingga 28.10.2023.

Kepada Presiden serta kepimpinan baharu KGMMB saya yakin benar anda semua akan dapat memikul amanah ahli melalui pengurusan organisasi yang kreatif demi menjaga kebajikan ahli KGMMB dari semasa ke semasa.


Disamping itu KGMMB akan berperanan sebagai rakan strategik bagi Kementerian Pendidikan dengan memberi pandangan serta semak imbang terhadap perkembangan sistem Pendidikan Negara Malaysia yang dicintai.

Kepada semua ahli KGMMB saya yakin anda semua adalah insan guru yang terbaik di mana jua anda bertugas. Dengan izin *only diamond can cut diamond*. Dalam konteks keguruan hanya guru yang dapat menyelesaikan isu keguruan. Justeru, kepada semua ahli KGMMB berilah sokongan padu kepada kepimpinan KGMMB agar mereka akan sentiasa membawa isu-isu keguruan dalam pelbagai medium demi menjaga kebajikan ahli-ahlinya.

Akhir kata dengan rasa rendah diri saya memohon maaf kepada semua ahli KGMMB seandainya sepanjang kepimpinan saya sebagai Presiden KGMMB tidak dapat memenuhi kehendak semua ahli KGMMB.

Insyaa- Allah saya telah berusaha sebaik mungkin untuk menjadikan KGMMB sentiasa dilihat berkesan dalam dunia Pendidikan di Malaysia.

JASNI BIN MD. KECHIK, AMK., BKM.



CIKGU JASNI BIN MD. KECHIK, AMK., BKM.
MANTAN PRESIDEN KGMMB

Setitis Tinta Ketua Pengarang

السَّلَامُ عَلَيْنَا وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ


Salam KGMMB Hidup Berbakti
Salam Malaysia Madani

Saya mewakili barisan pengarang bagi Buletin Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) mengucapkan terima kasih kepada semua barisan Jawatankuasa Penerbitan Buletin yang telah menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Saya dan rakan-rakan sedaya upaya membincangkan cadangan penambahbaikan aspek penerbitan yang berkualiti bagi menghasilkan buletin yang lebih efektif dan menarik.

Dalam kemodenan perubahan arus Revolusi Perindustrian ini, ledakan teknologi mampu membantu kita untuk bekerja dengan lebih efisien. Dengan adanya laman aplikasi dan sesawang yang boleh digunakan untuk meningkatkan lagi mutu penghasilan buletin. Terima kasih juga kepada penulis undangan yang sama-sama memberikan penulisan yang baik dan menarik.

Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar platform ini dimanfaatkan dan digunakan sebaik mungkin di mana setiap warga KGMMB bersama-sama menyuarakan idea dan pandangan yang bernas bagi menghasilkan penerbitan yang lebih matang di masa hadapan dengan idea yang kreatif dan inovatif bagi memastikan setiap objektif Buletin KGMMB dapat dicapai dan ditingkatkan dengan jayanya. Semoga segala usaha kita dalam akan diberkati Allah SWT.

Sekian, terima kasih.



CIKGU MOHAMAD ARSHAD BIN MAT JELANI, PPT.
KETUA PENGARANG

NOSTALGIA MANTAN PRESIDEN DATO' HAJI MOHAMED SABRI BIN MOHD ARSAD

Penglibatan sebagai seorang guru bermula setelah mengikuti latihan asas perguruan di Maktab Perguruan Pendidikan Kesihatan dan Nilai Pemakanan, Kuala Terengganu (MPPKNP) Tahun 1978-1980, diikuti dengan Kursus Perguruan Khas tahun 1986 di Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim, Johor Baharu (MPTI) dalam Bidang Pendidikan Kesihatan, Tahun 1988-1989, saya mengikuti Kursus Diploma Pengurusan Kepimpinan Pendidikan di Institut Aminuddin Baki. Seterusnya saya menyambung pembelajaran saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak pada tahun 2004-2006 dalam bidang Sarjana Muda Pengurusan Pendidikan.

Saya mula berkhidmat sebagai seorang guru di Sekolah Kebangsaan Felda Kg Sertik, Karak, Pahang sebagai Guru Penolong, dilantik jawatan Guru Besar mulai tahun 1994. Pada tahun 1997 saya telah dilantik sebagai Penyelia Kanan di Jabatan Pendidikan Negeri Pahang hingga tahun 2004. Program Pensiswazah KPM kepada guru-guru yang sedang berkhidmat di bawah KPM memberi laluan kepada saya menyambung pelajaran ke peringkat Universiti.

Minggu pertama saya telah menjadi ahli Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB). Setelah 8 tahun berkhidmat sebagai guru, saya telah dilantik sebagai Setiausaha Cawangan Pahang. Mula saat inilah saya mula aktif kerana secara automatik saya menjadi ahli Majlis Jawatankuasa Agung KGMMB. Pada tahun 2006 saya telah dipilih sebagai Presiden KGMMB sehingga bersara tahun 2018.

Sepanjang saya memegang jawatan Presiden KGMMB banyak kejayaan yang dicapai bagi memantapkan organisasi dan profession Perguruan, antaranya KGMMB telah berkembang dari 17,000 ahli pada 2006 meningkat sehingga 54,000 ahli pada 2018. KGMMB telah berjaya memantapkan Kumpulan Wang Kebajikan dengan meningkatkan pelbagai kebajikan kepada ahli.

KGMMB juga terlibat secara aktif membantu KPM menstrukturkan Perjawatan Guru (DG) Pengetua dan Guru Besar Cemerlang, Guru *Time-Based* berasaskan kecemerlangan untuk guru, Guru Cemerlang, Gred Jawatan Guru Besar, Guru Media, dan lain-lain. KGMMB juga telah menjadi AJK

Induk Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan, AJK Khas Menangani Beban Tugas Guru KPM, AJK Semakan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2015-2025). Kumpulan Penggerak Ibubapa dan Komuniti Kebangsaan, Panel Pemilihan Tokoh Guru KPM, Penyediaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM), Menangani Isu Pengiktirafan UEC dan lain-lain lagi. KGMMB juga setiap tahun terlibat secara aktif dalam Pertemuan Guru-Guru Nusantara (PGN), melibatkan Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam.

Pada Tahun 2014 saya dipilih menjadi Presiden KONGRES serta Pengerusi Majlis Permuafakatan Kesatuan dan Persatuan Guru KPM yang dianggotai sebanyak 27 buah sehingga bersara. Hal ini memudahkan kesatuan menyuarakan isu-isu pendidikan dan kebajikan guru. Saya amat gembira pada tahun 2018 apabila KGMMB diterima menjadi Ahli Gabungan CUEPACS.

Sepanjang bersama-sama dengan KGMMB terdapat beberapa nostalgia yang tidak boleh saya lupakan iaitu, apabila KGMMB berjaya menguruskan Penganjuran Pertemuan Guru Nusantara di UPSI dan Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Pulau Pinang yang melibatkan perwakilan dari luar negara. Terima kasih tak terhingga juga kepada seluruh Kepimpinan KGMMB yang telah menganugerahkan kepada saya Pingat **BINTANG KEBAKTIAN KGMMB** Tahun 2021.

Sayangilah KGMMB sebagai satu-satunya wadah perjuangan Guru-Guru Melayu sesuai dengan Moto **HIDUP BERBAKTI.**




MALAYSIA MADANI DARI ASPEK PENDIDIKAN

Konsep MADANI telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-10, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari 2023 yang lalu. Kerangka dasar Madani menjadi asas dalam memacu negara dengan enam nilai teras, iaitu KeMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan serta Ihsan. Enam nilai teras MADANI dicerakin sebagai kerangka dasar dan falsafah yang berkait rapat dan bersepadu dengan setiap satu menguatkan yang lain. Madani dalam bahasa Arab bermaksud peradaban, pemikiran, kerohanian dan kebendaan, yang bertujuan membentuk masyarakat dengan menyemai nilai murni dan kekeluargaan. Menginsankan individu dan membangunkan masyarakat seiring dengan konsep MADANI perlu bermula dengan pendidikan yang berkualiti. Tujuh Teras Nadi Keunggulan Kementerian Pendidikan Malaysia yang dizahirkan oleh Yang Berhormat Puan Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan adalah antara rangkuman dalam konsep MADANI dan dikukuhkan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam memacu pendidikan negara.

Pendidikan merupakan agenda keutamaan sesebuah negara dan merupakan agen paling efektif mentransformasikan pemikiran individu dan masyarakat. Sebelas anjakan yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

(Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) merupakan transformasi dalam sistem pendidikan negara yang mampu melahirkan generasi yang kalis masa hadapan. Bagi merealisasikan transformasi pendidikan berkualiti, perubahan positif perlu dilaksanakan dengan teliti dan bijaksana melalui komunikasi yang berkesan, berintegriti, berinovatif diiringi dengan keterlibatan semua pihak yang dapat memberi keyakinan kepada masyarakat.

Pendidikan seharusnya melahirkan generasi yang berkarakter, berilmu, berpengetahuan dan berkemahiran untuk membolehkan mereka bersaing dalam persekitaran yang lebih kompetitif dan mendepani cabaran globalisasi. Antara elemen yang perlu diberi penegasan dalam usaha pembentukan generasi madani, iaitu:



i. Agama, Akhlak dan Sahsiah

Membina generasi madani, pastinya meletakkan agama, akhlak dan sahsiah sebagai tunjang utama pembentukan keperibadian mulia seterusnya mencerminkan kehidupan masyarakat sesebuah negara. Pemupukan generasi madani dengan nilai keperibadian mulia dapat membina keperibadian bertamadun, masyarakat yang sejahtera, seterusnya dapat menolak sebarang unsur negatif. Justeru, penyemaian ilmu agama, akhlak dan sahsiah terpuji wajar dipupuk dari usia muda.

ii. Keselamatan Diri

Kepentingan menjaga keselamatan diri dan orang lain merupakan aspek yang perlu dititikberatkan dalam pendidikan. Pengetahuan berkaitan dengan keselamatan diri melibatkan kaedah mengelak daripada sebarang bahaya, menangani situasi kecemasan dan melindungi diri daripada potensi risiko. Kemahiran serta pengetahuan berkaitan keselamatan diri dapat mempersiapkan generasi muda dalam menghadapi cabaran terutama dalam era digitalisasi.

iii. Bersih

Mewujudkan masyarakat yang bersih dan sihat adalah cerminan komitmen terhadap nilai-nilai tamadun yang lebih tinggi. Di Jepun, pembudayaan kebersihan merupakan elemen pendidikan yang diasuh sejak kecil lagi. Konsep ini dipupuk dalam pendidikan karakter dan budaya sekolah. Ini termasuk membersihkan bilik darjah, kawasan sekolah, serta tandas. Amalan ini mengajar erti tanggungjawab, kerjasama dan menghormati kebersihan.

iv. Disiplin dan Integriti

Usaha membina karakter generasi muda yang berdisiplin terangkum dalam gagasan Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC). Individu yang berkelakuan baik, beretika, prihatin, bertanggungjawab, beradab mampu menyelesaikan sebarang permasalahan, isu sosial dan seterusnya dapat menjalani kehidupan yang bermakna.

v. Membaca

Jom Membaca Bersama 10 Minit adalah antara gerakan dalam membentuk pembudayaan masyarakat yang suka membaca. Melentur buluh biarlah dari rebunginya. Usaha membentuk masyarakat yang berbudaya membaca, perlu dibina dalam diri anak-anak dan menjadi pemangkin pembinaan masyarakat yang berminda aktif, kreatif, berinovasi dan matang.

vi. Sihat dan Cergas

Amalan gaya hidup sihat dan cergas adalah bertujuan memastikan masyarakat menghargai penjagaan kesihatan. Penjagaan kesihatan yang baik dan kecergasan menyeluruh mampu memberikan kesan positif sekiranya dilakukan secara konsisten dan akhirnya dapat membentuk generasi yang berkualiti.

vii. Penyayang

Kesejahteraan masyarakat akan terbentuk dengan lebih mudah melalui suasana yang sarat nilai kasih sayang. Sesungguhnya, sifat penyayang amat dituntut dalam setiap agama dan menjadi ikatan nilai keinsanan dalam masyarakat. Konsep Sekolah Penyayang yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan merupakan inisiatif yang mampu menjana generasi madani yang bersifat ihsan, peduli, berkasih sayang dan merasai kesusahan orang lain.

viii. Menepati Masa

Ungkapan masa itu emas sangat sinonim dalam kalangan masyarakat. Dalam mencapai matlamat Malaysia MADANI aspek penting yang perlu dititiberatkan adalah menepati masa. Peristiwa atlet negara kehilangan pingat emas dalam kejohanan sukan bertaraf dunia atas faktor ketidakpatuhan masa memberi iktibar kepada kita semua tentang kepentingan menepati masa. Justeru, budaya menepati masa serta menggunakan masa dengan betul memberi nilai impak yang tinggi kepada individu, masyarakat dan negara.

ix. Berfikir Mengejar Cemerlang

Berfikir untuk kecemerlangan adalah sesuatu usaha dalam mencapai hasil yang terbaik dalam kehidupan. Ini bermakna individu akan berusaha dalam mencapai matlamat hidup melalui hasil kerja kuat, dedikasi dan ketekunan. Melalui idea dan pemikiran ini akan membina masyarakat yang lebih baik untuk generasi akan datang

x. Yakin Diri dan Jati Diri

Keyakinan diri merupakan elemen penting yang perlu dipersiapkan dalam diri generasi muda. Dengan memiliki keyakinan yang tinggi, individu akan dapat membuat sebarang keputusan terutama dalam situasi yang sukit. Selain itu, dapat merangsang pemikiran positif dengan memandang setiap sesuatu sebagai peluang dan tidak menjadikan masalah sebagai halangan. Pembentukan jati diri perlu dipupuk agar memperkuat ikatan sosial dan memastikan keharmonian dalam masyarakat.

xi. Hormat-menghormati

Nilai saling menghormati bermaksud menghargai dan menghormati pendapat, menerima perbezaan dan menunjukkan rasa hormat adalah asas penting dalam budaya Malaysia. Menjaga hubungan yang baik antara individu dan komuniti dalam pelbagai aspek mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan harmoni.

xii. Bantu-Membantu dan Sukarelawan

Konsep bantu-membantu dan sukarelawan didasarkan pada semangat gotong royong dan sikap bertanggungjawab. Pelibatan dalam bidang sukarelawan sewajarnya dipupuk sejak usia kanak-kanak lagi melalui program di sekolah. Impaknya mampu melahirkan generasi yang prihatin dan berupaya melibatkan diri dalam sukarelawan bukan sahaja dalam dalam lokaliti setempat malahan berskala global.

Tuntasnya, pembentukan generasi Madani menjadi keutamaan dalam agenda pendidikan bukan hanya memfokuskan kepada pembangunan material malahan perlu seiring dengan pembangunan spiritual.

Penulis :

Tuan Haji Shafruddin bin Haji Ali Hussin
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Pembangunan Profesionalisme

MESYUARAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KPM BERSAMA KESATUAN/ PERSATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN BILANGAN 1 TAHUN 2023 PADA 27 JUN 2023 MESYUARAT MENGAMBIL MAKLUM

1

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kenaikan kadar Bantuan Makanan Prasekolah (BMP) daripada RM2.00 kepada RM3.00 di Semenanjung dan RM2.25 kepada RM3.25 di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan dalam Pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023. Bahagian kewangan (Bkew) melalui surat rujukan KPM.800-4/4/4 Jld.2(5) bertarikh 19 April 2023 telah memaklumkan kenaikan kadar BMP sebanyak RM1.00 bagi murid prasekolah yang bersekolah di sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan berkuat kuasa 1 Mei 2023.

2

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Projek Pembangunan yang diurus seliaan oleh BPPDP diteliti semula dan ditambah baik. Tindakan ini bagi mempercepatkan proses kelulusan.

3

Semua jawatan Guru Bimbingan yang diwujudkan di sekolah rendah adalah berdasarkan norma yang diluluskan oleh agensi pusat iaitu bermula dengan enrolmen murid 350 orang ke atas. Sekolah-sekolah yang tidak mempunyai waran perjawatan Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM), pihak sekolah hendaklah membuat pelantikan secara dalaman dalam kalangan guru-guru sedia ada. Pelantikan tersebut adalah sah dalam tempoh setahun bagi merancang dan melaksanakan program-program Bimbingan dan Kaunseling di sekolah mengikut keperluan.

4

BPSM menjelaskan KPM menyediakan jawatan Guru Penolong Kanan di Sekolah Kurang Murid (SKM) secara hakiki berasaskan kompleksiti pengurusan sekolah seperti berikut:

a) SKM A – tiga (3) jawatan GPK (Pentadbiran, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum)

b) SKM B – satu (1) jawatan GPK (Hal Ehwal Murid)

Penetapan bilangan perjawatan dan gred jawatan di SKM adalah ditetapkan menggunakan kaedah penggredan sekolah dengan mengambil kira kadar upah yang setara dengan akauntabiliti, beban dan kompleksiti tugas. Enrolmen murid yang lebih rendah dan kurang kompleksiti menyebabkan bilangan perjawatan yang sedikit di SKM B berbanding di SKM A dan sebarang cadangan perwujudan jawatan hakiki/kenaikan elaun perlu mendapat kelulusan agensi pusat memandangkan implikasi kewangan.

5

Surat daripada JPA rujukan JPA(S) 63/78/3 Kit.4 (SV 6) bertarikh 29 Disember 2001 telah memaklumkan bahawa permohonan untuk mendapatkan elaun Ketua Bidang Pendidikan Islam di sekolah menengah tidak dipertimbangkan. Dicaadangkan pengetua melantik Ketua Bidang Kemanusiaan dalam kalangan guru Pendidikan Islam terutamanya di SABK, SMKA dan SBP (Aliran Agama) kerana subjek Pendidikan Islam semakin bertambah.

6

Menaikkan Kadar Elaun Guru Penolong Kanan daripada RM60 kepada RM120 adalah ditetapkan oleh JPA. Kadar elaun ditetapkan berdasarkan kompleksiti tugas bagi sesuatu jawatan. Cadangan ini, pihak JPA sedang meneliti penambahbaikan secara terperinci melalui Kajian Rasionalisasi Elaun Perkhidmatan

7

Penambahan pengambilan guru subjek Pendidikan Islam. Sehubungan dengan itu, pengambilan guru tahun 2023 yang telah diiklankan oleh SPP pada 7 April 2023, opsyen Pendidikan Islam menjadi 4 opsyen utama yang akan diberi perhatian.

8

Pelantikan pegawai aset di sekolah adalah dalam kalangan Pegawai Pengurusan dan Profesional (P&P) gred 41 ke atas, walau bagaimanapun, pegawai dalam kalangan gred 19 ke atas boleh dilantik sekiranya kekurangan Pegawai P&P. Jabatan boleh mengemukakan permohonan pelantikan pegawai aset kepada BPA.

9

Penyelenggaraan rumah guru (flat guru) telah mendapat perhatian oleh BPA selepas menerima permohonan daripada JPN dan PPD. BPA telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM42 juta bagi tujuan tersebut.

10

KPM telah bersetuju dengan cadangan perkhidmatan pengoperasian dan penyelenggaraan sistem kumbahan institusi pendidikan di bawah selian KPM oleh pihak IWK melalui surat rujukan KPM.200-7/2/1 (24) bertarikh 28 Disember 2020. Persetujuan cadangan ini adalah untuk memastikan sistem kumbahan institusi pendidikan dapat diselenggara secara berkala dengan lebih sistematik, teratur dan efisien oleh pemegang lesen perkhidmatan pembentungan yang kompeten.

11

KPM telah menerbitkan buku teks secara berjilid bagi kegunaan murid Tahap 1 (Tahun 1 hingga Tahun 3) merangkumi mata pelajaran seperti Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Tujuan ini bagi mengatasi masalah buku teks yang tebal, isu beg berat dan isu kerosakan buku teks.

12

BPPDP akan bekerjasama dengan BPSH selaku Sekretariat Jawatankuasa Teknikal SPI dan Surat Siaran KPM dalam memastikan agar arahan-arahan dan kenyataan terbaru berhubung perkara-perkara dasar daripada KPM dilaksanakan melalui surat pekeliling rasmi dan BPPDP selaku ahli tetap dalam Jawatankuasa tersebut komited untuk memberi komen dan pandangan dari sudut dasar, akta dan peraturan-peraturan pendidikan bagi memastikan setiap arahan jelas dan teratur.


13

KPM telah meluluskan projek pembinaan kuarters guru di Cameron Highlands, Pahang di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Tahun 2023. Skop projek pembinaan kuarters guru ini adalah membina 48 unit kuarters guru dan kemudahan-kemudahan lain mengikut piawai. Status pembinaan adalah pada fasa perancangan pelaksanaan projek.

AKTIVITI PRESIDEN 2023



Pertandingan Tenpin Boling Hari Pekerja Cuepacs 2023 di Wangsa Bowl, Wangsa Walk, Kuala Lumpur pada 25 Mei 2023



Majlis Apresiasi Meraikan Persaraan Mantan Kepimpinan CUEPACS 2023 di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur pada 25 Mei 2023



Mesyuarat BPSM KPM Bersama Persatuan-Kesatuan Perkhidmatan Pendidikan Bil 1/2023 di Bilik Mesyuarat Utama Blok E8 pada 27 Jun 2023



Sesi Townhall Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam bagi Kluster Perkhidmatan Pendidikan di Auditorium Kompleks E, Putrajaya pada 1 Ogos 2023.




Mesyuarat Pengurusan KGMMB dan Kunjng Hormat Yayasan Amal Malaysia Cawangan Johor di Hotel Sani Kuala Lumpur pada 5 Ogos 2023.



Lawatan Penanda Aras ke SK Pekan Putatan, Sabah pada 18 Ogos 2023




Sebagai Panel Penilai KIK Horizon Baharu dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif 2023 Anjuran IAB Cawangan Utara pada 21 Ogos 2023.



Konvensyen Persatuan Guru Besar Malaysia Negeri Selangor di Grand Riverview Hotel, Kota Bharu pada 23 Ogos 2023

AKTIVITI PRESIDEN 2023



Mesyuarat Penyediaan Draf Kalendar Akademik Sesi 2024/2025 di Bilik Mesyuarat Kemboja, KPM pada 19 Oktober 2023.



Sidang Media Pemartabatan dan Pemeriksaan Bahasa Melayu di Wisma Dewan Bahasa dan Pustaka pada 12 Oktober 2023.



Majlis Jasamu Dikenang Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Tuan Hj. Abdul Rashid bin Abdul Samat di AC Hotel by Marriott Penang pada 11 Oktober 2023.



Menghadiri sambutan hari guru peringkat kebangsaan di MITC Melaka pada 16 Mei 2023.



Jemputan sebagai penceramah bagi Bengkel Kerja Profesionalisme Guru Baharu Sekolah Rendah bagi tahun 2023 di Hotel The Jerai, Sungai Petani pada 24 Oktober 2023




Penataran SKPM Kualiti @ Sekolah Tahun 2023, di Dewan Besar Tan Sri Wira Abdul Rahman, KPM pada 19 Oktober 2023.



Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri Kedah, Ahli Mahkota Kedah (AMK) Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah Darul Aman Ke-81 pada 20 Jun 2023 di Istana Anak Bukit, Alor Setar.

PERTANDINGAN FORUM REMAJA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KUALA LUMPUR



KGMMB selaku Kesatuan Guru yang memartabatkan Bahasa Melayu sekali lagi menjadi penaja Forum Remaja Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun ini.

Forum Remaja yang dipertandingkan telah mencapai puncaknya bila mana 14 buah sekolah telah terpilih mewakili negeri masing-masing berjaya melayakkan diri ke peringkat Kebangsaan pada 9 hingga 10 Ogos 2023. Bertempat di Dewan Bahasa

Dan Pustaka Kuala Lumpur, semua pasukan hebat menyampaikan hujah masing-masing. Cikgu Mohd Azhar bin Yahya, Setiausaha Agung KGMMB telah dijemput khas mewakili KGMMB selaku juri Profesional dalam menghakimi para peserta forum.

Terima kasih juga kepada Tuan Presiden Cikgu Jasni bin Md Kechik yang sudi melapangkan masa untuk bersama-sama mengiringi YBrs Dr. Rusmini binti Ku Ahmad, Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM wakil rasmi Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia YBhg. Dato' Pkharuddin bin Hj Ghazali.

Tahniah diucapkan kepada semua para pemenang. Semoga Bahasa Melayu sentiasa dimartabatkan penggunaanya di Malaysia dan di seluruh dunia. Tahniah kepada pihak DBP atas penganjuran dan terima kasih KGMMB atas penajaan.

SEMINAR PENDIDIKAN MADANI PERINGKAT KEBANGSAAN 2023 UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Seminar Pendidikan Madani telah dijalankan pada 9 September 2023 di Dewan Kuliah Utama, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Perasmian telah disempurnakan oleh YB Puan Fadhlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia. Dengan bertemakan Memartabatkan 'Karamah Insani Membangun Generasi Madani,' seramai 315 peserta telah menghadiri seminar yang dianjurkan oleh Kongres Kesatuan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (KONGRES) dengan kerjasama Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM.



Mesyuarat Agung Cawangan KGMMB



Melaka
(6.5.2023)



WP Kuala Lumpur
(8.7.2023)



Pahang Barat
(25.6.2023)



Kedah Utara 2
(12.5.2023)



Johor
(5.5.2023)



Perak Utara
(21.5.2023)



Pahang Timur
(11.6.2023)



WP Putrajaya
(17.6.2023)



Selangor
(9.4.2023)



Negeri Sembilan
(21.5.2023)



Kedah Utara 1
(7.7.2023)



Perlis
(13.5.2023)



Terengganu
(10.6.2023)



Pulau Pinang
(27.5.2023)



Kelantan
(9.6.2023)

PERSIDANGAN PERWAKILAN TRITAHUNAN KGMMB KALI KE-27 SESI 2023-2026 PERMAI HOTEL, KUALA TERENGGANU

Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) telah mengadakan Persidangan Perwakilan Tritahunan Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat kali Ke-27 Sesi 2023 - 2026 pada 28 Oktober 2023 di Permai Hotel, Kuala Terengganu, Terengganu. Persidangan dirasmikan oleh YBrs. Tuan Omar bin Mahli, Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian mewakili YBhg. Tuan Haji Azman bin Hj Adnan, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Sektor Operasi Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Seramai 193 orang Perwakilan hadir daripada 18 cawangan KGMMB hadir ke persidangan tersebut. Manakala 9 orang sebagai Pemerhati. Pihak KGMMB merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Pegawai Kanan dan Majlis Jawatankuasa Agung Sesi 2020-2023 yang diketuai oleh Cikgu Jasni bin Md. Kechik. Tahniah dan syabas kepada kepimpinan baharu yang diterajui oleh Cikgu Hj. Juhari bin Mohamad Nor. Semoga KGMMB terus menuju kecemerlangan dan memantapkan profesion keguruan.



MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KE-25 KOPERASI KGMMB BHD

Koperasi telah mengadakan MAPT Ke-25 pada 24 Jun 2023 di Hotel Tamu dan Suite, Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Jumlah kehadiran perwakilan dalam MAPT kali ini seramai 104 orang daripada keseluruhan perwakilan 113. Lima orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) baharu dilantik tahun 2023 iaitu Cikgu Hj. Abdullah bin Mamat, Cikgu Hj. Juhari bin Mohamad Nor, Cikgu Mohamad Arshad bin Mat Jelani, Cikgu Hj Masron bin Muhammad dan Cikgu Megat Pauzi bin

Ibrahim. Seramai 39 orang murid daripada Sekolah Kebangsaan Seri Rampai, Setapak telah diundang untuk mengadakan persembahan pada majlis makan malam yang diadakan pada 23 Jun 2023. Turut diadakan majlis menandatangani perjanjian usahasama antara koperasi dengan Fauzi Agensi dan Perbadanan Pembangunan Pantai dan Sungai Negeri Melaka serta pelancaran e-buletin koperasi yang pertama.



MESYUARAT AGUNG KAWASAN/KOPERASI KESATUAN GURU-GURU MELAYU MALAYSIA BARAT BERHAD KALI KE-13 TAHUN 2023

TARIKH	KAWASAN	KEHADIRAN	PERWAKILAN	JUALAN (RM)
05/03/23	Kedah	299 anggota	16 anggota	36,803.50
11/03/23	Perak	137 anggota	15 anggota	94,700.56
17/03/23	Kelantan	139 anggota	4 anggota	46,856.75
18/03/23	Terengganu	371 anggota	9 anggota	42,163.92
09/04/23	Selangor	189 anggota	18 anggota	57,045.21
05/05/23	Johor	235 anggota	11 anggota	43,134.33
06/05/23	Melaka	200 anggota	5 anggota	62,512.66
13/05/23	Perlis	450 anggota	5 anggota	105,361.05
20/05/23	Pahang	188 anggota	8 anggota	92,300.00
21/05/23	Negeri Sembilan	317 anggota	9 anggota	54,198.17
27/05/23	Pulau Pinang	315 anggota	7 anggota	70,350.45
28/05/23	Wilayah Persekutuan	108 anggota	6 anggota	85,397.00
	Jumlah	2,948 anggota	113 anggota	790,823.60

Dua belas kawasan telah mengadakan Mesyuarat Agung Kawasan Koperasi KGMMB Berhad. Mesyuarat telah berlangsung meriah dan berjaya dari bulan Mac hingga Mei 2023. Mesyuarat dirasmikan oleh Cikgu Ibrahim bin Marlan selaku Pengerusi Koperasi KGMMB Berhad atau diwakili oleh Timbalan Pengerusi, Cikgu Hj Abdullah bin Mamat. Seramai 2,951 anggota telah hadir manakala seratus tiga belas anggota telah dipilih sebagai perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

Pameran jualan oleh Unit Pengguna dan Pembiayaan yang melibatkan lima belas pembekal

turut diadakan sepanjang Mesyuarat Agung Kawasan. Hampir RM800,000.00 nilai jualan berjaya diperolehi. Barangan kemas, motosikal, komputer riba antara yang mendapat sambutan anggota di mana, negeri Perlis walaupun kecil dengan keanggotaan seramai 801 orang sahaja telah menunjukkan kehadiran anggota yang paling ramai iaitu 450 orang anggota dan jualan atau pembiayaan yang paling tinggi sebanyak RM105,361.05 pada mesyuarat agung kawasan yang diadakan pada 13 Mei 2023 yang lalu. Butiran lanjut mengenai MAK tahun 2023 adalah seperti di atas:

PRESTASI KOPERASI PADA JANUARI HINGGA OGOS 2023

Keanggotaan baru menunjukkan peningkatan. Seramai 644 anggota baharu telah berjaya didaftarkan. Pembiayaan koperasi juga meningkat dengan mendadak. Sehingga Ogos 2023, RM10,645,701.02 pembiayaan telah dikeluarkan kepada anggota dengan pecahan (Peribadi :RM3,994,170.00, Khas : RM3,650,000.00, Pengguna : RM2,996,817.89 dan insurans kenderaan RM4,713.13)



Selangor



Kedah




Terengganu



Melaka



N. Sembilan



Johor



Kelantan



Pahang Timur



Perlis



Perak



Pulau Pinang



Kuala Lumpur

PEMBIAYAAN DAN FAEDAH KEBAJIKAN ANGGOTA KOPERASI KGMMB BHD

Pembiayaan kepada anggota merupakan teras utama perniagaan Koperasi KGMMB Berhad. Tujuan pembiayaan adalah membantu anggota yang memerlukan kemudahan kewangan secara tunai. Faedah yang diperolehi sebagai anggota koperasi adalah seperti berikut:

1. Sebagai anggota aktif koperasi, anggota berhak menikmati faedah-faedah berikut:
 - a. Memperolehi dividen atas pelaburan setiap tahun tertakluk kepada keuntungan semasa koperasi.
 - b. Sumbangan Derma Kematian antara RM20,000.00 bagi kematian biasa dan RM30,000.00 atas sebab kemalangan serta sumbangan pengkebumian RM1,000.00 kepada waris / penama anggota yang aktif. Tiap waris kepada anggota aktif yang meninggal dunia layak mendapat faedah ini tanpa mengira umur anggota yang meninggal dunia.
 - c. Skim Pembiayaan Peribadi Khas Maksimum RM25,000.00 dengan tempoh bayaran balik 60 bulan. Caj perkhidmatan 3%, insurans 2% dan dalai BPA 1%.
 - d. Kemudahan Skim Pembiayaan Peribadi Biasa (Tunai) sehingga RM100,000.00 dengan tempoh bayaran balik 120 bulan (10 tahun). Tiada penjamin diperlukan bagi semua pembiayaan. Caj perkhidmatan 3%, insurans 2% & dalai BPA 1%.
 - e. Kemudahan pembiayaan barangan pengguna sehingga RM100,000.00. Anggota boleh mendapatkan kemudahan pembiayaan untuk membeli barangan keperluan peribadi / rumah melalui cawangan Unit Pengguna. Tempoh bayaran balik selama 84 bulan (7 tahun). Tiada penjamin untuk pembiayaan pengguna.
 - f. Rebat yang menarik bagi anggota yang menyelesaikan pembiayaan lebih awal.
 - g. Pilihan barangan dan perkhidmatan tidak terhad kepada barangan elektrik meliputi pembiayaan memperbaharui cukai jalan, insurans kenderaan, tayar, baikpulih kenderaan, pembelian motosikal, barangan kemas dan sebagainya.
 - h. Mulai tahun 2014 koperasi melancarkan Tabung Pendidikan dan Kebajikan
- Anggota & Staf (TPKA) dengan caruman sebanyak RM10.00 sebulan.
- i. Faedah yang ditawarkan di dalam Tabung Kebajikan ini ialah :-
 - Melanjutkan pelajaran dari Diploma sehingga Doktor Falsafah
 - Kecemerlangan anak dalam pelajaran dari SPM hingga STPM/STAM/Tahfiz
 - Bencana Alam sehingga maksima RM1,000 tertakluk kepada kelulusan ALK
 - Kematian bagi anggota, suami/isteri, anak dan ibubapa
 - Faedah hospital pada kadar RM30 sehari untuk minima 3 hari dan maksima 20 hari
 - Faedah bersara RM600 (mulai Januari 2020)
 - Faedah mengerjakan Haji atau Umrah RM300 sekali sahaja (mulai Mac 2022)
2. Bagi anggota yang telah bersara dari perkhidmatan dan meneruskan keanggotaannya di koperasi layak menikmati faedah berikut:
 - a. Mengeluarkan 80% dari modal yuran terkumpul pada bila-bila masa.
 - b. Layak memohon pembiayaan tunai atau pengguna bercagarkan saham terkumpul. Bayaran bulanan dibuat terus kepada koperasi.
 - c. Menikmati faedah (A), (B), (F), (G), (H) dan (I) Bahagian 1 di atas.
3. Bagi anggota baharu, layak:
 - a. Layak menerima faedah (A) dan (B) Bahagian 1 di atas.
 - b. Menjadi anggota dan terus memohon perkara (D) dan (E) Bahagian 1 di atas.
 - c. Menikmati faedah (F), (G), (H) dan (I) Bahagian 1 di atas.

Pada tahun kewangan 2022 Koperasi telah mengeluarkan pembiayaan kepada anggota sebanyak RM7,387,565.29. Berbanding dengan tahun 2021, jumlah pembiayaan yang dikeluarkan sebanyak RM4,155,310.76. Data mengenai pembiayaan koperasi bagi 3 tahun terakhir adalah seperti senarai di bawah:

JENIS PEMBIAYAAN	JUMLAH (RM) 2021	JUMLAH (RM) 2022	JUMLAH (RM) Ogos 2023
Pengguna & Insurans	1,620,910.76	1,912,965.29	3,001,531.02
Peribadi	1,796,240.00	4,065,000.00	3,994,170.00
Pembiayaan Khas	738,160.00	1,409,000.00	3,650,000.00
JUMLAH	4,155,310.76	7,387,565.29	10,645,701.02

PERASMIAN BANGUNAN PERAK UTARA, KELANTAN DAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA & WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



Bangunan Perak Utara dirasmikan pada 20.5.2023 beralamat di No. 813A, Persiaran 2/1, Tmn Chandan Putri, 33000 Kuala Kangsar, Perak.



Bangunan Kelantan dirasmikan pada 30.9.2023 beralamat di PT 1543 Tingkat Atas, Jln Wakaf Che Yeh, Pintu Geng, 15150 Kota Bharu, Kelantan.



Bangunan WP Putrajaya & WP Kuala Lumpur dirasmikan pada 13.10.2023 beralamat di No. 3, Tingkat 3, Jln Pulau Pinang, P15, Presint 15, 62050 Putrajaya.

SEMINAR KEPIMPINAN KGMMB 2023 DI IXORA HOTEL, PULAU PINANG



Seminar Kepimpinan Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) telah diadakan pada 30 Ogos hingga 01 September 2023 bertempat di Hotel Ixora, Perai, Pulau Pinang. Objektif utama seminar ini ialah untuk mendalami ciri-ciri kepimpinan yang dihormati dan memantapkan pengetahuan pengurusan dan kewangan kesatuan kepada Pengerusi Cawangan, Setiausaha Cawangan dan Bendahari Cawangan yang dipilih untuk sesi 2023-2026.

Kedah dan Perlis untuk menyampaikan ceramah. Seminar Kepimpinan KGMMB 2023 telah dirasmikan oleh Cikgu Jasni bin Md Kechik, Presiden KGMMB. Semasa ucapannya, Tuan Presiden mengucapkan tahniah kepada para peserta yang telah memberikan kerjasama yang cemerlang sepanjang seminar berlangsung. Beliau juga berharap agar ilmu yang diperolehi ini dapat digunakan dan dikongsi dengan ahli jawatankuasa lain di peringkat cawangan supaya pengurusan di peringkat cawangan dapat berjalan dengan lancar.

Seramai 82 orang peserta terlibat dalam seminar tersebut. Selama tiga hari dua malam peserta berkampung, mereka didedahkan dengan 9 slot kuliah bagi memantapkan ilmu urus tadbir KGMMB dan kewangan. Semua Pegawai Kanan KGMMB terlibat sebagai penceramah mengikut slot yang telah ditetapkan. Hanya satu slot sahaja yang bertajuk Pengurusan Kesatuan, pihak pengurusan KGMMB telah menjemput Puan Norafiza binti Babjan, Pegawai Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) Pulau Pinang,



Lensa AKTIVITI CAWANGAN




Bengkel Teknik Menjawab SPM Daerah Tampin anjuran Cawangan Negeri Sembilan di SMK Dato' Mohd Taha, Gemencheh pada 23 September 2023.



Program Bersama Anak-Anak Yatim Nur Hidayah bertempat di Pengkalan Hulu, Perak.




KGMMB cawangan WP Kuala Lumpur menganjurkan Majlis Raya & Penyampaian Hadiah Pemenang 'Football & Netball Penalty Shootout' di SK. Seri Permaisuri, Cheras pada 4 Mei 2023.



Penyampaian sumbangan banjir SK Betong, Hulu Terengganu.



Majlis bacaan Yasin dan Tahlil sempena sambutan hari guru 2023 di Masjid Jamek Tunku Besar Tampin pada 18 Mei 2023



Presiden KGMMB menziarahi Setiausaha Cawangan Selangor Cikgu Haji Dianuddin di Hospital Selayang.



Penyampaian sumbangan khairat kematian kepada waris Allahyarhamah Cikgu Daeng Nurhanim binti Daeng Abd Rahman yang meninggal dunia pada 18 Februari 2023




Program penyerahan geran bantuan kepada KGMMB Kedah Utara 2, pada 19 Mei 2023 di Impiana Hotel, Ipoh.

PERASMIAN APLIKASI myKGMMB

KESATUAN GURU GURU MELAYU MALAYSIA BARAT

Muat turun myKGMMB



Aplikasi KGMMB telah dilancarkan pada 27 Oktober 2023 semasa Perasmian Persidangan Perwakilan Tritahunan Kali Ke-27 di Terengganu. Ahli KGMMB boleh muat turun aplikasi myKGMMB di "PLAY STORE" untuk pengguna android atau "APPSTORE" untuk pengguna "apple".




Kelebihan Aplikasi myKGMMB

- Perhubung Dengan Ahli Dengan Lebih Baik
- Memberi Nilai Kepada Ahli
- Meningkatkan Penglibatan Ahli
- Peribadikan Saluran Maklumat
- Meningkatkan Interaksi Ahli
- Penggunaan Kos Yang Rendah
- Meningkatkan Kesetiaan Ahli
- Mudah Digunakan




Kemudahan Aplikasi myKGMMB

- Permohonan Ahli Baru
- Penyemakan Dan Kemaskini Maklumat Ahli
- Semakan Potongan Bayaran
- Muat turun Borang/ Dokumen
- Muat naik Borang/ Dokumen
- Permohonan Khairat Kebajikan
- Semakan Khairat Kebajikan
- Notis Terkini




PENYERAHAN CEK TAKAFUL KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK KGMMB



Penyampaian cek kepada wakil keluarga arwah Cikgu Khaire Bin Md Zen, Guru Besar SK Sg. Tengar, Sabak Bernam meninggal dunia akibat kemalangan motosikal.



Penyampaian cek kepada waris Cikgu Sajali Bin Mohamad Hashim yang meninggal dunia akibat kemalangan.



Penyampaian cek kepada waris Cikgu Rosmayati Binti Bakar@Lalar yang meninggal dunia akibat kemalangan kereta.

TAKAFUL KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK KGMMB

Bil	Perlindungan	Jumlah (RM)
1.	Kematian Akibat Kemalangan	50,000.00
2.	Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Berlaku Semasa Menaiki Kemudahan Awam	50,000.00
3.	Indemniti Berganda Jika Kematian / Hilang Upaya Kekal Berlaku Semasa Menaiki Kemudahan Awam	100,000.00
4.	Faedah Hospital Akibat Kemalangan	50.00
5.	Khairat Kematian (Kemalangan)	2,500.00


SEMINAR WAKIL SEKOLAH PERINGKAT KEBANGSAAN THE JERAI HOTEL, ALOR SETAR, KEDAH



YB Puan Fadhlina binti Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Seminar Wakil Sekolah Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) Peringkat Kebangsaan 2023. Program ini telah diadakan pada 10 – 12 Februari 2023 (Jumaat hingga Ahad) di Hotel The Jerai Alor Setar, Kedah. Bengkel ini dihadiri seramai 100 orang peserta daripada 18 cawangan KGMMB. Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada wakil-wakil sekolah untuk mempromosikan KGMMB dan menambah keahlian KGMMB.



Lensa Seminar Wakil Sekolah Peringkat Cawangan



Kuala Lumpur



Negeri Sembilan



Johor



Kedah



Selangor



Pulau Pinang



Perak Selatan



Pahang Timur

https://www.bharian.com.my/...hadkan-minit-mengajar...




Hadkan minit mengajar untuk kurangkan beban guru | Berita Harian
KUALA LUMPUR: Pihak sekolah dalam mengurangkan jadual minit mengajar guru di sekolah...




Terima kasih KPM dengan luahan warga sekolah, ibu bapa - Kongres PETALING JAYA - Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (K...

Terima kasih mantan Dato Presiden berani bersuara bagi pihak kami. HIDUP BEREAKTI...



Kesatuan guru bakal lumpuh, kepimpinan diarah letak jawatan - SAHIL
Foto Nisam - Guru dalam kelas.

https://www.hmetro.com.my/...strok-haba-guru-cadang-cuti...



Strok haba: Guru cadang cuti sekolah bersasar, laksana PdPR | Harian Metro
Kuala Lumpur: Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (K...

Kritikan membina bantu guru tunai amanah mendidik

- Bukan hanya kerajaan perlu menambah baik mutu guru Malaysia, pihak swasta juga sewajarnya mengahang pengahungan guru seperti pemberian dana dan penyediaan infrastruktur yang dapat meningkatkan kemahiran guru
- Sambutan Hari Guru tidak tahun ini wajar dijadikan landasan awal untuk semua pihak bekerjasama untuk mewujudkan persikatan PdP positif, harmoni dan berdaya saing termasuk meningkatkan kemahiran



Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (KKGPM) Datuk Seri Dr. Mohd. Yusoff Yusoff

Sebelum sambutan Hari Guru diadakan, kritikan membina terhadap guru sebagai pendidik amat penting. Kritikan membina ini bukan bermaksud mengkritik guru secara negatif, tetapi mengkritik secara positif untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Kritikan membina ini harus datang dari semua pihak, termasuk kerajaan, swasta, dan masyarakat. Kritikan membina ini harus datang dari semua pihak, termasuk kerajaan, swasta, dan masyarakat. Kritikan membina ini harus datang dari semua pihak, termasuk kerajaan, swasta, dan masyarakat.



Pemimpin kesatuan guru perlu kreatif dalam menyusun aktiviti - SAHIL
Pemimpin kesatuan guru perlu kreatif dalam menyusun aktiviti

https://www.bharian.com.my/...Kongres-setuju-cuti...



KONGRES setuju cuti sekolah bersasar, hanya kepada negeri cuaca panas melampau | Berita Harian

Kesatuan guru salu dasar pendidikan

SEREMBAN: Semua kesatuan guru di negara ini akan bersetuju untuk menyokong dasar pendidikan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Kesatuan guru salu dasar pendidikan. Kesatuan guru salu dasar pendidikan. Kesatuan guru salu dasar pendidikan.



Saya ada 2 pengumuman penting... Menteri Pendidikan



Kongres Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (KKGPM) setuju cuti sekolah bersasar, hanya kepada negeri cuaca panas melampau | Berita Harian

Bukan yuran tapi derma PIBG

PETALING JAYA: Bayaran 'yuran' yang ditetapkan setiap sekolah oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) adalah derma, bukan yuran yang wajib dibayar oleh ibu bapa. PIBG adalah derma, bukan yuran yang wajib dibayar oleh ibu bapa.

Kementerian perlu tegas elak guru tidak lapor diri

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan perlu tegas dalam memastikan guru melaporkan diri kepada PIBG. Kementerian Pendidikan perlu tegas dalam memastikan guru melaporkan diri kepada PIBG.

Tiada keperluan merendaskan lanjut cuti persekolahan

Kuala Lumpur: Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) dan ahli akademik menyifatkan, tiada keperluan merendaskan lanjut cuti persekolahan.

waktu sekolah supaya kanak-kanak ini tidak menunggu lama seterusnya masa itu digunakan untuk bermain di luar," katanya

yang sudah menyeluruh dalam usaha mengatasi isu pengoperasian dalam cuaca panas," kata

PETALING JAYA: Bantuan Geran Per Kapita (PCG) setiap mata pelajaran di sekolah diturunkan lebih 14 peratus

Dapat jimat perbelanjaan kerajaan 3,017 sekolah ada kurang 150 pelajar Tutup sekolah kurang murid

Oleh NORAMIRA YAHYA
ulussanews@medianutp.com.my

PETALING JAYA: Sekolah-sekolah di seluruh negara yang mempunyai murid kurang daripada 15 orang wajar ditutup bagi menjimatkan banyak kos perbelanjaan kerajaan. Selain itu, sekolah terse-

but patut disatukan dengan sekolah-sekolah lain yang berhampiran agar memudahkan pengurusan semua pihak. Berucap kepada Minggu Malaysia, Presiden Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (Kongres), Jasni Md. Kekich berkata, penutupan sekolah

sekolah ini bukan sahaja dapat mengurangkan perbelanjaan, malah, menjamin penggunaan guru dan pendidik di sekolah. Kata beliau, ini kerana Kementerian Pendidikan (KPM) tetap perlu mengeluarkan sejumlah peruntukan bagi menampung semua kos pem-

nganan sekolah-sekolah ini. "Guru di sekolah terbiar dalam terpaksa mengajar banyak subjek, termasuk bukan penghususan sendiri demi menjamin kecemerlangan akademik pelajar sekolah," katanya ketika dihubungi semalam. Pada tahun 2019, bekas Timbalan Menteri Pendidikan pada

Wajibkan saringan, temuduga ambil guru baharu

19,000 guru masih tak cukup. Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mas Mansor, berkata pihaknya akan mengambil langkah tegas untuk memastikan kualiti guru yang diterima. Beliau berkata, pihaknya akan memperkenalkan saringan dan temuduga untuk memilih guru-guru terbaik. Beliau berkata, pihaknya akan memperkenalkan saringan dan temuduga untuk memilih guru-guru terbaik.

MESYUARAT AGUNG KAWASAN KOPERASI KGMMB BHD TAHUN 2023

Lensa SEKITAR MESYUARAT AGUNG KAWASAN KOPERASI KGMMB BHD KALI KE-13
3 MAC 2023 HINGGA 28 MEI 2023



Pulau Pinang



Terengganu



Pahang



Melaka



Negeri Sembilan



Perlis



Perak



Johor



Kelantan



Kedah



WP Kuala Lumpur



Selangor

Lensa MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPERASI KGMMB BHD KALI KE-25 HOTEL TAMU DAN SUITE, KUALA LUMPUR



JAD 2022/2023



ALK bagi sesi 2022/2023



ALK bagi sesi 2023/2024



Perwakilan Perak



Perwakilan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



Perwakilan Johor



Perwakilan Kedah



Perwakilan Perlis



Perwakilan Pahang



Perwakilan Melaka



Perwakilan Selangor



Perwakilan Terengganu



Perwakilan Kelantan



Perwakilan Pulau Pinang



Perwakilan Negeri Sembilan